



Prof Musa (kiri) menyempurnakan acara penanaman pokok, sambil diperhatikan Azlam Shah (tengah) dan Dr Awangku Abdul Rahman.

USIM lancar kempen kampus lestari

Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melancarkan program USIM's Environmental Awareness and Sustainability Campaign (USIMBIOSIS) 2015, baru-baru ini.

Kempen bertema Living Together itu mendapat sokongan TESCO Malaysia yang menyumbangkan sebanyak 50 pokok untuk ditanam di sekitar kampus termasuk 20 pokok ditanam pada majlis pelancaran program berkenaan.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata USIMBIOSIS adalah pendekatan proaktif universiti bagi memupuk kesedaran berkaitan kelestarian alam sekitar.

Katanya, USIM menduduki tangga ke-235 daripada keseluruhan 360 universiti dalam penilaian UI-GreenMetric World University Ranking 2014.

"Penilaian itu membuktikan

usaha penambahbaikan kelestarian dan pengurusan alam sekitar kampus seperti pembersihan tasik, mewujudkan trek jogging dan berbasikal, berjaya memberi impak positif.

"Inisiatif baharu juga dilaksanakan, antaranya mengurangkan penggunaan elektrik sehingga lima peratus setiap tahun secara berperingkat, mengurangkan penggunaan polisterin dan beg plastik serta menjalankan soal selidik mengenai kelestarian alam sekitar dalam kalangan warga universiti," katanya selepas majlis pelancaran program USIMBIOSIS 2015.

Kempen 4R

Yang turut hadir ialah Pengerusi Hal Ehwal Korporat dan Perhubungan Kerajaan TESCO Malaysia, Datuk Azlam Shah Alias; Timbalan

Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Zulkiple Abd Ghani dan Pengerusi Jawatankuasa Kelestarian dan Kesedaran Alam Sekitar USIM, Prof Madya Dr Awangku Abdul Rahman Awangku Yussuf.

Beliau berkata, kempen 4R iaitu Reduce, Reuse, Recycle and Restore, turut dimulakan, menggunakan tong sampah lut sinar kitar semula dan menjimatkan penggunaan tenaga elektrik melalui penggunaan tenaga alternatif iaitu kuasa solar di beberapa lokasi tertentu seperti perhentian bas.

Program turut mendapat kerjasama Jabatan Alam Sekitar dan Perbadanan Sisa Pepejal yang menyumbangkan beberapa unit tong sampah kitar semula yang diperbuat daripada kertas untuk ditempatkan di lokasi strategik dalam kampus.